



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BERITA KIMIA

Jabatan Kimia, Fakulti Sains | Keluaran September 2019 | e-ISSN: 2637-014X



Selamat Menyambut

HARI MALAYSIA - 16 SEPTEMBER 2019



TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU JABATAN KIMIA

Berikut adalah bilangan pelajar baharu yang telah mendaftar mengikut program:

PSCK: 1

MSCK3: 1

MSCK2: 4

MSCN: 3

SSCA: 57

SSCC: 54



KARNIVAL KIMIA JOHOR 2019 (K2J 2019)

MOU UTM-IKM DIMETERAI BAGI MEMAJUKAN PROFESION KIMIA DI MALAYSIA

14 September 2019 - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Kimia Malaysia (IKM) Cawangan Selatan bersama Jabatan Kimia Malaysia Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah berjaya menganjurkan program Karnival Kimia Johor (K2J) bagi tahun 2019. K2J turut diadakan bersempena Tahun Antarabangsa Jadual Berkala Unsur Kimia yang telah diisytiharkan oleh UNESCO. Program pada tahun ini diadakan di Universiti Teknologi Malaysia dan telah menerima penyertaan seramai 811 orang pelajar serta 94 orang guru dari 39 buah sekolah. Bilangan tersebut merupakan penyertaan terbesar yang diterima sejak K2J dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun 2011. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sepanjang karnival ini berlangsung, antaranya ialah syarahan sains, kimia interaktif, demonstrasi peniupan kaca, pameran inovasi kimia, pertunjukan sains serta pelbagai pertandingan yang melibatkan bidang sains dan kimia. Selain itu, satu seminar keselamatan makmal dan juga Anugerah Guru Kimia Inovatif Johor juga telah diadakan.

Program ini telah dirasmikan oleh YB. Cheo Yee How, Ahli Dewan Undangan Negeri (Perling) yang juga merupakan alumni Jabatan Kimia UTM, bersama Datuk ChM. Dr. Soon Ting Kueh, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Tuan Haji Mohamad Safie (Pengarah, Jabatan Kimia Johor), Tuan Haji Amiruddin Abd Manaf (Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor), En. ChM. Soh Song Chaw dan Prof. Madya Dr. Zaiton Abdul Majid. Majlis penutup diserikan lagi dengan Majlis menandatangani MoU di antara UTM dan IKM. Setinggi tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat!



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Kimia Malaysia (IKM) telah diadakan pada 14 September 2019 bersempena Karnival Kimia Johor 2019 (K2J 2019). Kerjasama tersebut diharap dapat memperkasa pembangunan professional akademik, penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang berkaitan kimia bagi UTM dan IKM. UTM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail manakala Presiden IKM, Datuk ChM. Dr. Soon Ting Kueh mewakili IKM. Majlis tersebut turut disaksikan oleh alumni Fakulti Sains, YB Cheo Yee How selaku perasmi K2J, PM. ChM. Dr. Zaiton Abdul Majid (Timbalan Dekan, Fakulti Sains UTM), En. ChM. Soh Song Chaw (Pengerusi, IKM Cawangan Selatan) dan PM. ChM. Dr. Jafariah Jaafar (Peneraju MoU).



Jabatan Kimia, Fakulti Sains UTM mengucapkan selamat datang kepada YB. Cheo Yee How, alumni Jabatan Kimia, Fakulti Sains UTM yang telah merasmikan Karnival Kimia Johor 2019.

SELAMAT DATANG





Tahniah

DR. AEMI SYAZWANI BINTI ABDUL KEYON
(Jabatan Kimia)

terpilih menyertai
PROGRAM UTMShine (Batch 5)

geran berjumlah
RM 40,000

Daripada Pihak Pengurusan dan Warga Fakulti Sains

UTM 5 Star QS Overall Ranking TOP 50 QS World Ranking TOP 20 QS Asia Ranking

www.utm.my


COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (CRG) UTM-NATIONAL 2019

Ketua Program: PM. Dr. Lee Siew Ling
Ketua Sub-projek: Dr. Sheela Chandren, Dr. Siti Aminah Setu dan Dr. Nurrulhidayah Salamun
Tajuk Program: *Exploration of Titania-Based Catalysts for Environmental Conservation*
Jumlah Geran: RM100,000

Heartiest Congratulations To NALI 2019 Winners!

- **MyRoadmap for First Year Experiences:** Gold Medal
- **3-Minutes Proposal (MyRoadmap):** Gold Medal
- **Undergraduate Research Program (MyRoadmap):** Silver Medal
- **Invisible Confusions: Infrared Spectral Interpretation (Dr. Norazah Basar):** Silver Medal
- **The Periodic Table Game for Interactive Learning in Chemistry (Dr. Siti Aminah Setu):** Silver Medal

New Academia Learning Innovation (NALI) 2019 is a celebration of innovative teaching and learning practices.

JPT DEPARTMENT OF INNOVATION & ENTREPRENEURSHIP MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA UTM

Pecipta'19
"INNOVATION BEYOND IMAGINATION"
www.pecipta19.my

INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXPOSITION ON INVENTIONS BY INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING

INOVASI DALAM PENGURUSAN BENCANA
PROF. DR. ABDUL RAHIM MOHD YUSOFF, UTM
23 Sep 2019 | 9.00 pagi

FUTURE OF SMART CITY
DATUK IRI DR LEONG SIEW MUN, STS
23 Sep 2019 | 9.30 pagi

INNOVATION IN TVET EDUCATION
DR YOUNG SUN RA, KRIVET
23 Sep 2019 | 10.00 pagi

PPRN2.0
DR SITI FAZRIAH RAJA MOHAMED, KPM PPRN
23 Sep 2019 | 10.30 pagi

SEMINAR INOVASI BULUH
MS REGINA LEONG, MATA C
23 Sep 2019 | 11.00 pagi

PERASMIAN SEMINAR INOVASI BULUH
MR. RAVI MUTHAYAH, TKSU MPI
23 Sep 2019 | 12.15 tengahari

Lulus Viva PhD (Kimia) Dengan Keputusan B1

29 September 2019 – Tahniah diucapkan kepada calon Doktor Falsafah (Kimia) di bawah seliaan PM. Dr. Roswanira Abdul Wahab, iaitu Uchenna Ezeilo dari Nigeria yang telah berjaya menamatkan viva beliau dengan memperoleh keputusan B1 (Merit). Penyelia bersama ialah Prof. Dr. Lee Chew Tin dari Fakulti Kejuruteraan Tenaga dan Prof. Dr. Fahrul Huyop dari Jabatan Biosains, Fakulti Sains.



Penerimaan *Lifetime Achievement Award*

Tahniah diucapkan kepada Prof. Dr. Madzlan Aziz di atas penerimaan *Lifetime Achievement Award* bersempena Majlis Apresiasi Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pada 18 September 2019 di Dewan Kencanaपुरi, Pulau Spring Resort Johor Bahru.




VISITING PROFESSOR

PROF. HADI NUR
DIRECTOR OF CENTRE FOR SUSTAINABLE NANOMATERIALS,
IBRU SINA INSTITUTE FOR SCIENTIFIC AND INDUSTRIAL RESEARCH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Workshop on Scientific Writing for International Publication
SELASA, 25 SEPTEMBER 2019

IC-STAR 2019
SELASA, 24 SEPTEMBER 2019

Intensive Scientific Writing Coaching Clinic
SABTU, 25 SEPTEMBER 2019

Sharing Vision Professorship Roadmap
KHAMIS, 26 SEPTEMBER 2019

Intensive Scientific Writing Coaching Clinic
JUMAT, 27 SEPTEMBER 2019

Kuliah Umum : Metode Penelitian untuk Mahasiswa Pascasarjana
SABTU, 28 SEPTEMBER 2019

Intensive Scientific Writing Coaching Clinic
SEMIN, 30 SEPTEMBER 2019

Intensive Scientific Writing Coaching Clinic
SELASA, 01 OKTOBER 2019

FAKULTAS TEKNIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JEMPUTAN SEBAGAI PROFESOR PELAWAT

Prof. Dr. Hadi Nur telah dijemput sebagai Profesor Pelawat oleh Fakultas Teknik, Universitas Lampung, Indonesia pada 23 September hingga 2 Oktober 2019.

AUDIT DALAMAN PUSAT PERKHIDMATAN ANALISIS (PPA)

Audit dalaman PPA telah diadakan pada 28 Ogos 2019 oleh juruaudit dilantik, PM. Dr. See Hong Heng. Audit ini wajib dilalui oleh PPA secara tahunan bagi memastikan semua pengurusan dan perjalanan operasinya mengikut ketetapan ISO/IEC 17025. Audit dalaman tahun ini juga melibatkan semakan dokumen ISO/IEC 17025 versi 2017. Hasil daripada audit ini, PPA telah diberikan empat *Non-Conformance (minor)* dan lima *observation*. Diharapkan PPA akan menjadi pusat perkhidmatan analisis yang lebih cemerlang dan mengamalkan semua amalan baik mengikut ISO17025:2017.



SURVEILANCE AUDIT PUSAT PERKHIDMATAN ANALISIS (PPA)

Surveillance audit makmal PPA telah diadakan pada hari Isnin, 23 September 2019 oleh dua orang penilai lantikan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) yang diketuai oleh Encik Pua Hiang sebagai penilai dokumen kualiti sistem dan Encik Ng Chang Chai sebagai penilai kualiti teknikal. Audit dimulakan dengan perbincangan pembukaan yang turut dihadiri oleh TDPIPA, PM. Dr. Zaiton Abd Majid, Pengarah Kimia, PM. Dr. Shajarahtunnur Jamil dan Pengurus Makmal, Dr. Alina Wagiran. PPA telah menerima enam *Non-Conformance (NC)* bagi pengurusan sistem dokumen dan teknikal. Walau bagaimana pun, penilai telah mengesahkan bahawa PPA telah berjaya melakukan migrasi dokumen ISO/IEC 17025:2017. PPA diberi masa tiga bulan untuk membetulkan NC yang diberikan dan audit seterusnya (*Audit Surveillance 2*) dijangka akan diadakan 6 bulan lagi bagi melihat semula sistem pengurusan kualiti di makmal PPA.

Tahniah diucapkan kepada semua ahli Task force Akreditasi PPA yang terdiri daripada Dr. Hasmerya Maarof (Ketua TF), PM. Dr. Razali Ismail, Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon, En. Anthony Nyangson Steven @ Mohd Daniel, En. Mohamed Mohd Salleh, En. Fuaad Omar, Pn. Hazelinda Mohd Maslan dan Pn. Mariam Hasan. Turut membantu ialah Cik Najwa (NGS, Brunei), Dr. Mohd Akmal Mokhter dan Dr. Faizuan Abdullah.

Semoga PPA terus cemerlang dalam memberikan perkhidmatan analisis kepada semua penyelidik UTM mahupun industri di samping menyumbang kepada penjana kewangan yang lebih baik pada masa akan datang kepada Fakulti Sains khususnya, dan UTM amnya.



PENCERAMAH JEMPUTAN

Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim telah dijemput sebagai Penceramah Jemputan di *3rd International Seminar on Chemical Education 2019 (ISCE 2019)* yang telah diadakan pada 17 September 2019 bertempat di Universitas Islam Indonesia (UII). Prof. Is Fatimah, Ketua Jabatan Kimia, FMIPA, UII juga mengambil peluang menyambut kelahiran Prof. Dr. Wan Aini pada tarikh tersebut.



Bengkel *Hands-On EDU 4.0 Tools*

Bengkel *Hands-on EDU 4.0 Tools* Jabatan Kimia sebagai aktiviti di bawah Program Future Ready Educators (FREE), Fakulti Sains telah diadakan pada 24 September 2019. Bengkel ini dihadiri oleh Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil, PM. Dr. Zainoha Zakaria, En. Hashim Baharin, Dr. Joazaizulfazli Jamal, Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim dan Dr. Faizuan Abdullah. Bengkel ini bertujuan berkongsi pengetahuan dalam penggunaan *online education tools* sebagai pelaksanaan pembelajaran aktif di dalam kelas oleh fasilitator yang terdiri daripada Dr. Sheila Chandren, Dr. Hasmerya Maarof, Dr. Mohd Bakri Bakar, Dr. Che Rozid Mamat, Dr. Siti Aminah Setu dan Dr. Norazah Basar.



Mesyuarat Jabatan Kimia Bil.2/2019

Mesyuarat Jabatan Kimia bil. 2/2019 telah diadakan pada 2 September 2019. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kimia, PM. Dr. Shajarahtunnur Jamil ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pencapaian semasa staf jabatan, agihan beban pengajaran bagi semester I sesi 2019/2020, gerak kerja jawatankuasa jabatan dan task force serta perbincangan isu-isu berbangkit di Jabatan Kimia.

Taklimat PSM (SSCU4902) Semester 1 2019/2020

Taklimat berkaitan PSM telah diadakan oleh Jawatankuasa PSM Jabatan Kimia pada 17 September 2019 kepada pelajar tahun akhir SSCC dan SSCA. Taklimat yang disampaikan oleh Dr. Siti Ernieyanti Hashim ini bertujuan memberi penerangan mengenai perjalanan PSM pada semester I dan II, penilaian serta beberapa tips dan nasihat kepada pelajar agar PSM mereka berjalan lancar.



Perjumpaan Bersama Pelajar Penasihat Akademik (PA)

Adalah dimaklumkan bahawa semua Penasihat Akademik dan Pembangunan Pelajar Tahun satu digalakkan untuk mengadakan perjumpaan bersama pelajar masing-masing pada setiap Isnin pukul 10-11 pagi bagi membincangkan hal-hal berkaitan pelajar dan akademik.



En. Hashim Baharin bersama pelajar PA Tahun 1

Program STEM Jabatan Kimia di "SUTERA GOOD EARTH EXHIBITION 2019"

Dr. Siti Ernieyanti Hashim (ketua), Dr. Sheela Chandren, Dr. Mohamad Afiq Mohamed Huri, Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon, Dr. Khairil Juhanni Abd. Karim, Dr. Susilawati Toemen, Dr. Nursyafreena Attan, Dr. Rohul Hayat Adnan dan Nur Shahz Ereena Zulkifli (pelajar) telah terlibat dalam Program STEM semperna *Sutera Good Earth Exhibition 2019* di Sutera Mall pada 24 September 2019. Mereka berkongsi beberapa aktiviti interaktif sebagai cara menyampaikan ilmu berkaitan kimia kepada masyarakat setempat.



KURSUS PRA PERSARAAN SIRI 2/2019

Kursus Pra Persaraan Siri 2/2019 telah diadakan pada 10-11 September 2019 oleh Bahagian Sumber Manusia (Seksyen Pembangunan Bakat), Jabatan Pendaftar, UTM Johor Bahru kepada bakal pesara UTM. Kursus ini telah dihadiri oleh Prof. Dr. Mustaffa Shamsuddin, PM. Dr. Azli Sulaiman, PM. Dr. Zainoha Zakaria, dan Pn. Mariam Hassan. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi penerangan mengenai Skim Pencen/KWSP Sektor Awam, persediaan persaraan dari aspek psikologi, emosi dan kesihatan serta pengurusan dan perancangan kewangan menjelang hari persaraan.

Coffee Talk - We Care We Share Pasir Gudang

4 September 2019 – Satu perkongsian mengenai Projek *Service Learning* – "We Care We Share Pasir Gudang" telah diadakan di Bilik Aktiviti Jabatan Kimia. Projek yang diketuai oleh PM. Dr. Razali Ismail dan dianggotai oleh pensyarah serta pelajar Fakulti Sains ini bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai pengurusan alam sekitar kepada komuniti Pasir Gudang. Projek ini mensasarkan tiga objektif utama iaitu:

1. PG01 – Perkongsian maklumat
2. PG02 – Pemberdayaan masyarakat berilmu
3. PG03 – Jaringan kerjasama

Selamat maju jaya diucapkan kepada semua yang terlibat dan semoga projek yang dirancang berjalan lancar dan memberi manfaat kepada ramai pihak.



PERKONGSIAN DI MEDIA MASSA

Tahniah diucapkan kepada Dr. Faizuan Abdullah di atas perkongsian ilmu mengenai alam sekitar di akhbar Sin Chew Daily, Johor Edition pada 5 September 2019. Semoga bermanfaat.



Chemistry Summer School

Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim, Dr. Norazah Basar dan pelajar PhD, Nurshahira Mohd Rodzi (di bawah penyeliaan Dr. Norazah Basar) telah mengikuti *Chemistry Summer School on Essential Oil Studies* pada 9-15 September 2019. Aida Rasyidah Azman, pelajar PhD dibawah seliaan Dr. Naji Arafar Mahat pula telah menyertai *Chemistry Summer School on Diploma Certification* pada 9-12 September 2019. Program ini dianjurkan dan dibiayai oleh Fakultas Matematika & Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Islam Indonesia (UII), Yogyakarta, Indonesia.



Kursus Baseline Competencies for Differentiated Career Pathway (BC4DCP) - Kumpulan 2/ 2019



Pada 13 Ogos - 3 September 2019 bertempat di Bilik Bengkel UTMLead, Blok F54 UTM Johor Bahru, telah berlangsung Kursus *Baseline Competencies for Differentiated Career Pathway (BC4DCP)* bagi kumpulan 2/2019 yang dianjurkan

oleh UTMLead. Kursus ini mengandungi empat komponen utama, iaitu pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan, kepimpinan dan khidmat profesional. Seramai 35 orang peserta menghadiri kursus ini, termasuklah lima orang staf akademik Jabatan Kimia iaitu Dr. Faizuan Abdullah, Dr. Juan Matmin, Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil, Dr. Mohd Akmal Mokhter dan Dr. Nurulhidayah Salamun.

Title for Professional Chemists (IKM Members)

IKM members have agreed that IKM registered chemists should have a title in front of their names and have selected the title ChM. Members may start to use the title from September 2019 onwards.

Datuk ChM. Dr. Soon Ting Kueh (President, Institut Kimia Malaysia)

Jemputan Sebagai Penceramah Kursus

Dr. Naji Arafat Mahat telah dijemput sebagai penceramah Kursus Penulisan Saintifik Penyelidikan Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) anjuran Jawatankuasa Penyelidikan Profesion Juruteknologi Makmal Perubatan. Kursus tersebut telah berlangsung selama dua hari bermula pada 28-29 September 2019 di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi, Jabatan Kerja Raya (CREaTE), Alor Gajah, Melaka.



Kursus Supervisory Development Program Level 2 (AS102)



Pada 4 dan 5 September 2019 bertempat di Blok C17 dan T05, UTM Johor Bahru, telah berlangsung Kursus *Supervisory Development Program Level 2 (AS102)* yang dianjurkan bersama oleh UTMLead dan Fakulti Sains. Kursus ini menfokuskan pada teknik penyeliaan dan penerbitan yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah berpengalaman, termasuk dua orang staf akademik Jabatan Kimia iaitu PM. Dr. Zaiton Abdul Majid dan PM. Dr. See Hong Heng. Seramai 25 orang peserta menghadiri kursus ini, termasuk dua orang staf akademik Jabatan Kimia iaitu Dr. Juan Matmin dan Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil.

SHARE your EXPERIENCE: Research & Industrial Training - SERI 2019

Program "SHARE your EXPERIENCE: Research & Industrial Training - SERI 2019" telah diadakan pada 25 September 2019 bertempat di DK9, Blok N24, UTM dengan kehadiran seramai 187 pelajar Tahun 4 dan Tahun 3 program SSCC dan SSCA. Program SERI 2019 ini dianjurkan oleh JK Pembangunan Pelajar di bawah Team RO3 yang terdiri daripada Dr. Sheela Chandren, Dr. Norazah Basar dan Dr. Che Rozid Mamat. SERI 2019 merupakan salah satu aktiviti di bawah payung MyRoadmap.

Program berbentuk forum dan bual bicara ini telah dikendalikan oleh jemputan khas Alumni Kimia, Pn. Zuraidah Yahya daripada Frost & Sullivan GIC Sdn. Bhd. Program ini dirancang bagi memastikan pelajar Tahun 3 mendapat pendedahan awal berkaitan kehendak semasa industri sebelum memulakan Latihan Industri dan Latihan Penyelidikan. Perkongsian pengalaman bersama pelajar Tahun 4 dapat membuka minda dan memberi idea kepada pelajar Tahun 3 tentang cabaran dan jangkaan pihak industri terhadap mutu graduan yang dihasilkan oleh universiti tempatan, khususnya daripada UTM.



3/9 - Dr. Juan Matmin

17/9 - Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim

19/9 - Dr. Siti Ernieyanti Hashim

Perbincangan Bersama Telaga Biru



19 September 2019 – Dr. Siti Aminah Setu – Perbincangan bersama Telaga Biru Education bagi pemasaran Periodic Table Game

Akan Datang



SEMUA MAHASISWA
TAHUN I JABATAN KIMIA
DIWAJIBKAN HADIR

First Year
Experience
2019

12 OKTOBER 2019
8.00 AM - 1.30 PM
DEWAN KULIAH 8
N24



Anjuran: Jawatankuasa Pembangunan Pelajar F.S., Pejabat Pengajian Presidwazah UTM, Pusat Kerjaya UTM, Pusat Kaunseling UTM & Penasihat Akademik JKFS

Program Future Ready Educators (FREE) Fakulti Sains

Tahniah di atas lantikan sebagai *Group Leader (GL)* - Dr. Norazah Basar dan *Sub-Group Leader (SGL)* – Dr. Che Rozid Mamat, Dr. Hasmeriya Maarof, dan Dr. Siti Aminah Setu bagi Program FREE Fakulti Sains. Dimaklumkan juga semua staf akademik dimestikan berada di bawah satu SGL. Ahli setiap SGL akan dilakukan oleh Dr. Norazah Basar.

KUNJUNGAN LAWATAN DARI UNIVERSITAS NEGERI PADANG, INDONESIA

Fakulti Sains telah menerima kunjungan lawatan dari Universitas Negeri Padang, Indonesia seramai lapan orang staf dan 111 mahasiswa Jurusan Kimia pada 24 September 2019. Taklimat pengenalan kepada Fakulti Sains telah disampaikan oleh PM. Dr. See Hong Heng manakala pengenalan kepada Program Pengajian Siswazah di Jabatan Kimia telah disampaikan oleh Dr. Siti Aminah Setu. Seterusnya, taklimat berkenaan program dan perkhidmatan pelajar antarabangsa di UTM telah disampaikan oleh Dr. Ezza Syuhada Sazali (Fizik).

WARGA KERJA BERITA KIMIA

Ketua Editor:

PM. Dr. Shajarahtunnur Jamil

Editor Bersama:

Dr. Siti Aminah Setu

Dr. Khairil Juhanni Abd Karim

Dr. Mohd Fuad Mohamad

Dr. Nurulhidayah Salamun

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat